

Mekanisme Pemilihan Baharu Satu Manifestasi Transformasi Politik Umno Bernama 3 Julai, 2013

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Ramai anggota Umno di peringkat akar umbi melihat pemilihan parti pada hujung tahun ini yang menggunakan mekanisme baharu akan menyaksikan proses pemilihan lebih demokratik, satu manifestasi transformasi politik terhadap perubahan yang progresif.

Susulan pindaan perlembagaan parti pada 2009, Umno yang mempunyai 3.3 juta anggota akan menjadi parti politik pertama di negara ini menjadikan proses pemilihan lebih telus dan melibatkan lebih ramai anggota peringkat akar umbi.

Naib Ketua Pemuda Umno Bahagian Wangsa Maju Azha Mustapha berkata mekanisme baharu itu memperlihatkan ketelusan Umno dalam pemilihan pemimpin yang benar-benar layak mengemudi parti Melayu terbesar di negara ini.

"Pendekatan ini selaras dengan konsep transformasi (politik) yang diterapkan oleh Presiden parti Datuk Seri Najib Tun Razak. Pelaksanaan pemilihan sebegini membuktikan amalan demokrasi yang subur dalam Umno," katanya kepada Bernama.

Selepas pilihan raya umum ke-13 yang menyaksikan Umno menyumbang 88 daripada 133 kerusi Parlimen yang ditandingi Barisan Nasional, pemilihan Umno kali ini pastinya boleh menjurus kepada keperluan mencari pemimpin yang berpotensi untuk digilap dan menjadikan Umno parti tonggak BN yang kuat.

Apakah pemilihan parti kali ini dapat melahirkan barisan kepemimpinan baharu yang berupaya memacu rakyat dan Malaysia ke tahap lebih tinggi?

Bagi anggota di peringkat cawangan dan bahagian seperti Azha, pemilihan kali ini memberi ruang kepada sesiapa sahaja untuk bertanding namun yang akan menentukan kemenangan mereka adalah majoriti sokongan yang diraih.

Pemimpin yang bakal dipilih adalah pilihan suara majoriti anggota dan bukan semata-mata perwakilan yang mewakili bahagian, kata Azha.

Sejumlah 146,500 anggota parti di peringkat akar umbi di 191 bahagian akan terlibat dalam pemilihan pucuk pimpinan parti ialah anggota Majlis Tertinggi (iaitu Presiden, Timbalan Presiden, Naib-naib Presiden dan 25 anggota Majlis Tertinggi) di samping memilih anggota jawatankuasa bahagian.

Exco Pemuda Umno Bahagian Bandar Tun Razak Rhyame Yahaya berpendapat konsep pemilihan baharu ini dinanti-nantikan anggota Umno kerana ia diyakini mampu menyumbang kepada survival Umno.

"Perubahan daripada segi pemilihan ini memberi lebih ruang dan peluang kepada individu yang layak untuk mengetengahkan bakat kepimpinan mereka sekaligus memegang jawatan di dalam parti.

"Dulu orang yang ada nama sahaja boleh bertanding di peringkat Majlis Tertinggi Umno, namun sekarang sesiapa sahaja boleh bertanding dengan beberapa syarat tertentu yang ditetapkan," katanya, yang turut berpendapat dua jawatan tertinggi parti tidak perlu

dipertandingkan demi kelangsungan parti itu.

Menurut Rhayme, kedua-dua jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno yang masing-masing disandang Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, merupakan gandingan terbaik dan tiada keperluan untuk mengubahnya pada ketika ini bagi membolehkan kedua-duanya merealisasikan agenda transformasi negara yang direncanakan.

Adakah tanpa pertandingan di peringkat dua jawatan utama parti bermakna demokrasi yang diperkatakan adalah terhad dan sekadar ilusi?

Anggota Umno bahagian Bandar Tun Razak, Mohamad Mazlan Abdul Wahab berkata konsensus daripada majoriti anggota menunjukkan kedua-dua jawatan tertinggi tidak dipertandingkan juga menyerlahkan lagi bahawa demokrasi masih hidup dalam Umno.

"Saya tidak pasti sangat jika anggota yang lain bersetuju dengan pendapat saya tapi bagi saya perkara penting ialah Umno mesti lebih kuat daripada sebelum ini," katanya.

Turut berkongsi pandangan Mohamad Mazlan ialah ketua Umno cawangan Pantai Tanjung Demong, Terengganu, Halimah Sidek, yang menyifatkan gandingan Najib dan Muhyiddin setakat ini adalah kombinasi terbaik Umno pada masa ini.

"Ini adalah keindahan demokrasi apabila bukan sahaja kepimpinan tertinggi yang melahirkan pendapat sedemikian tetapi ia turut dikongsi bersama anggota akar umbi yang tidak mahu dua jawatan tertinggi parti ditandingi. Ya, saya bersetuju dengan cadangan ini," katanya.

Sementara itu, Anggota Jawatankuasa Pemuda Umno Bahagian Bandar Tun Razak Mohd Amir Abd Halim berpendapat bahawa setiap anggota Umno perlu memanfaatkan peluang yang diberikan parti dengan sebaik-baiknya untuk memilih individu yang benar-benar layak memimpin parti dan membendung gejala politik wang.

"Kita bukan memilih disebabkan sogokan wang tetapi berdasarkan kewibawaan seseorang itu untuk menjadi pemimpin," katanya, yang juga berpendapat Umno akan melahirkan lebih ramai pemimpin berkualiti tanpa terlibat dengan gejala politik wang.

Tarikh pemilihan peringkat cawangan Umno dijadual berlangsung dari 15 Julai hingga 31 Ogos, manakala tarikh pemilihan peringkat bahagian dan pimpinan tertinggi parti akan ditetapkan kemudian.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=960592>